

15/06/2003

Persediaan memasuki gelanggang

Sutung Umar RS

PERHIMPUNAN Agung Umno yang akan berlangsung pada minggu ini bermula pada

16 Jun nanti adalah satu perhimpunan yang penting. Ia amat penting kerana

pada perhimpunan kali ini, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat terakhirnya. Ia juga penting kerana pilihan raya

akan menjelang tidak berapa lama lagi.

Masyarakat Malaysia seluruhnya mengetahui bahawa Umno adalah sebuah parti dominan yang mempunyai sejarah perjuangan yang panjang dan penuh kecemerlangan. Tidak saja perjuangan memerdekakan tanah air Malaysia tercinta daripada tangan penjajah, tetapi yang sama pentingnya ialah pengisian kemerdekaan itu sendiri.

Era abad ke 21 yang amat tajam dengan segala macam persaingan ini, di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia telah mencapai

kecemerlangan dalam segala aspek penting kehidupan. Imej dan identiti Malaysia kini tidak saja setaraf dengan negara-negara maju malahan lebih hebat dari segi keamanan dan keharmonian masyarakatnya.

Dari segi ekonomi, Malaysia dapat merempuh masa yang penuh kecelaruan dengan jayanya. Dari segi sosial, dalam bidang pendidikan misalnya Malaysia menjadi tumpuan pelajar dari pelbagai negara luar untuk tempat mereka belajar dan memperoleh ilmu; adalah hasrat dan cita-cita Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pembelajaran antarabangsa yang bertaraf tinggi.

Dari segi politik, Malaysia dihormati di mana-mana saja. Dasar luarnya yang pragmatik dan fleksibel meletakkan nama Malaysia sebagai sebuah negara yang disegani.

Banyak pencapaian yang telah dijangkau oleh Malaysia dan antara sebabnya ialah kerana parti dominannya iaitu Umno serta kepemimpinan Umno itu sendiri dapat berfungsi dengan baik.

Kita pasti bahawa setiap perwakilan yang datang berhimpun dalam perhimpunan agungnya nanti tidak seorang pun yang dapat menolak kenyataan ini.

Dalam waktu yang sama, kita juga pasti bahawa dalam mengenang dan mengingat sekian banyak kecemerlangan yang telah dan bakal dicapai itu, tentulah tidak ada seorang pun yang mahu Malaysia kembali ke belakang, ke

zaman gelap yang penuh kemunduran dan kecelaruan. Justeru itu, setiap orang ahli Umno hendaklah sentiasa ingat akan niat dan hasrat asalnya memasuki Umno serta perjuangan Umno itu sendiri iaitu untuk membawa Malaysia dan masyarakatnya ke arah kecemerlangan.

Kegagalan mengingat dan mengamalkan dengan penuh sedar cita-cita asal perjuangan Umno oleh ahli sebagai individu mahupun kelompok boleh menyebabkan parti itu gagal berfungsi seperti yang seharusnya. Sejarah

pahit dan maung yang melanda Umno dalam perjuangan yang panjang itu hendaklah sentiasa diingat dan diambil sebagai iktibar, kerana hanya dengan demikian, kita dapat mengelakkannya daripada berulang.

Sehubungan dengan pilihan raya umum yang bakal berlangsung tidak berapa lama lagi, hal yang tidak harus dilupakan ialah persediaan Umno untuk memasuki gelanggang. Juga tidak harus dilupai ialah kedudukan Kelantan dan Terengganu yang kini dikuasai oleh parti pembangkang.

Kita menerima banyak pandangan dan ulasan daripada teman-teman yang berada di sana. Tentulah pandangan dan ulasan itu tidak kita mempercayainya bulat-bulat dan seluruhnya, namun seperti kata orang bijaksana, pokok tak bergoyang kalau tak ada angin. Kalau tak ada angin pun pokok bergoyang, tentulah ada hantunya.

Ada teman yang bercerita bahawa orang Terengganu amat selesa dengan keadaan sekarang kerana wang ehsan. Sementara di Kelantan pula, cerita cegah kencing tak pernah habis-habis kita dengar. Begitu juga dengan cerita masing-masing nak jadi ketua.

Boleh dikatakan semua orang bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa pembangkang yang menguasai Kelantan dan Terengganu bukanlah parti yang kuat. Namun, apapun kenyataan yang terbentang di hadapan mata kita amatlah jelas, bahawa parti yang tidak kuat itu dapat memerintah Kelantan dan Terengganu. Kita fikir inilah antara persoalan dan agenda penting yang patut difikirkan secara waras oleh seluruh ahli dan kepimpinan Umno dalam perhimpunannya kali ini.